



RISALAH BERKENAAN: *SHARI'AH, FEKAH, DAN* UNDANG-UNDANG NEGERI: PENJELASAN TERMA/ISTILAH




Perbezaan di antara istilah-istilah seperti *Shari'ah*, *fekah* dan undang-undang Islam selalunya kabur dan mengelirukan dalam

pertuturan seharian. Kekeliruan ini menyumbang kepada ketaksaksamaan gender dalam undang-undang keluarga moden dan memberi kesan buruk kepada perempuan. Usaha untuk menambahbaik undang-undang negeri



dan memberi keadilan kepada perempuan ditentang oleh mereka yang merasakan usaha ini bertentangan dengan *Shari'ah*. Oleh itu, amatlah penting untuk membezakan istilah-istilah ini - apa yang bersifat ketuhanan dan abadi dengan apa yang bersifat manusiawi dan sementara.

APAKAH ITU *SHARI'AH*?



Maksud *Shari'ah* secara literal adalah 'laluhan atau jalan yang menuju kepada sumber air'. Menurut kepercayaan orang Islam, *Shari'ah* adalah apa yang disampaikan Tuhan, melalui Nabi Muhammad (saw), dan untuk diterangkan kepada manusia. *Shari'ah* terdiri daripada nilai-nilai moral dan etika berdasarkan ajaran dan matlamat utama teks suci Islam, ia adalah jalan untuk membimbing orang Islam bagaimana untuk menjalani kehidupan di dunia dan bersiap sedia untuk kehidupan di akhirat. *Shari'ah* tidak boleh dihadkan kepada satu bentuk atau buku perundangan.



***Shari'ah* adalah kehendak Tuhan untuk manusia sepertimana yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (saw) mengikut nilai-nilai dan prinsip-prinsip agama untuk membimbing kehidupan orang Islam.**

Shari'ah berbeza dengan tafsir, iaitu tafsiran terhadap teks-teks suci Islam. Ia juga berbeza dengan *fekah*, iaitu peraturan undang-undang yang diambil dari teks. Undang-undang dan dasar yang dibuat dengan usaha manusia tidak sama dengan *Shari'ah*.

APAKAH ITU FEKAH?



Maksud *fekah* adalah pemahaman atau ilmu pengetahuan tentang hukum-hukum. Lazimnya *fekah* dikenali sebagai 'hukum Islam'. *Fekah* adalah pemahaman manusia tentang *Shari'ah* dan proses di mana ulama-ulama *fekah* (*fuqaha*) mengeluarkan peraturan undang-undang (ahkam) daripada sumber-sumber suci Islam: Quran dan Sunnah (kata-kata dan amalan-amalan Nabi). *Fekah* tidak hanya merujuk kepada peraturan undang-undang sahaja malah mencakupi ilmu pengetahuan tentang hukum yang luas dan teks berkenaan hukum-hukum yang dihasilkan oleh ulama *fekah*.

***Fiqh* ataupun *fekah* adalah proses di mana manusia cuba untuk memahami *Shari'ah*. Seperti sistem perundangan yang lain, *fekah* bersifat manusiawi, sementara (tidak kekal) dan boleh berubah mengikut tempat dan masa.**



APAKAH ITU UNDANG-UNDANG ISLAM?



Istilah 'undang-undang Islam' dan *Shari'ah* sering digunakan dengan tidak tepat dan bertukar ganti. Undang-undang Islam tidak boleh disamakan dengan *Shari'ah*. Ini kerana undang-undang Islam sebenarnya merujuk kepada tafsiran teks yang berbeza dan berbagai. Ini termasuk prinsip-prinsip hukum dan fahaman yang digubal oleh ulama *fekah* terdahulu. Ia juga merangkumi pelbagai keputusan yang dilaksanakan oleh pengadilan *shari'ah* zaman klasik yang berlainan daripada *fekah*.

Beberapa prinsip hukum dan fahaman ini kemudiannya dipilih dan dijadikan undang-undang keluarga Islam kontemporari berdasarkan *fekah*. Dalam kata lain, tidak pernah wujud keseragaman dalam undang-undang Islam di seluruh dunia.



Tiada 'undang-undang Islam' yang satu dan sejagat. Sebaliknya terdapat banyak teori manusia, tafsiran, adat, undang-undang, dan dasar yang membentuk tradisi hukum Islam yang berbeza-beza dan pelbagai.

APAKAH ITU UNDANG-UNDANG KONTEMPORARI KELUARGA ISLAM?

Memandangkan adanya kepelbagaian cara manusia memahami *Shari'ah*, maka ada banyak variasi yang ketara dalam undang-undang keluarga Islam, sama ada dikodifikasikan (disusun dan dijadikan sebagai undang-

undang dalam negara) atau tidak, dalam konteks umat Islam hari ini. Pada abad ke-20, setiap negara yang mempunyai penduduk yang majoritinya beragama Islam telah mengikut salah satu daripada tiga cara ini ketika membentuk sistem politik dan perundangan:

1 Menambahbaik dan mengkodifikasikan sebahagian pendapat fekah secara terpilih (selektif) termasuk undang-undang keluarga Islam. Segala pindaan kepada undang-undang tersebut turut dilakukan melalui proses yang sama.

Contoh: Negara majoriti Muslim seperti Algeria, Indonesia, Maghribi, Malaysia, Mesir, Pakistan, Tunisia

2 Meneruskan tradisi aliran mazhab fekah klasik tertentu tanpa mengkodifikasikannya.

Contoh: Arab Saudi, sebelum 2022. Pada Mac 2022, kerajaan Arab Saudi telah meluluskan dan mengkodifikasikan Undang-undang Status Peribadi (Personal Status law). Undang-undang ini mengatur proses perkahwinan, perceraian, nafkah, dan harta waris.

3 Mengeneipkan fekah klasik dan menggunakan sistem undang-undang 'Barat'.


Contoh: Turki, menggubal undang-undang berdasarkan model Switzerland



UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

Undang-undang kontemporari keluarga Islam adalah pelbagai dari segi bentuk dan isi. Sebahagiannya dikodifikasikan dan sebahagiannya tidak. Undang-undang ini terbentuk daripada asas-asas agama, tradisi, budaya, dan sosial yang pelbagai. Kepelbagaian ini menggambarkan perbezaan geografi, budaya dan sosial dalam komuniti Islam di seluruh dunia.

Walaupun fekah adalah tradisi tafsir yang dihasilkan oleh para ulama fekah yang terdahulu dan dikembangkan serta dilaksanakan secara berasingan daripada pemerintahan negara, ia fleksibel, dinamik, dan menerima kepelbagaian pendapat dalam merumus hukum-hakam Islam. Tetapi, penerapan hukum-hakam lama secara terpilih dalam sistem perundangan negara moden melalui proses kodifikasi tidak hanya mengubah sifat fekah tetapi juga memberi keistimewaan dan membekukan pendapat-pendapat fekah tertentu kerana ia telah dimasukkan ke dalam buku undang-undang.



Tiada 'undang-undang keluarga Islam' yang seragam yang terpakai kepada semua umat Islam di semua tempat. Undang-undang keluarga Islam berbeza antara negara dan masyarakatnya, mengikut pengamalan agama, budaya, adat, dan norma sosial yang pelbagai.

Contoh:

APAKAH PENDAPAT SHARI'AH, FEKAH, DAN UNDANG-UNDANG NEGARA TENTANG POLIGAMI?

Shari'ah

Surah an-Nisa' 4: 3 –

“Kahwinilah perempuan pilihanmu, dua, atau tiga, atau empat...”

Surah an-Nisa' 4: 3 –

“...tetapi jika kamu takut kamu tidak akan berlaku adil (dengan mereka), oleh itu kahwinilah hanya satu (isteri).”

Surah an-Nisa' 4: 129 –

“Kamu tidak akan boleh berlaku saksama dan adil di antara isteri-isteri kamu, walaupun kamu amat menginginkannya.”

Fekah Klasik

Poligami dibenarkan: Majoriti ulama fekah terdahulu menyatakan bahawa poligami adalah hak seorang lelaki yang tidak boleh disekat dengan sebarang syarat. Sebahagian ulama fekah membolehkan isteri meletakkan syarat dalam akad perkahwinan untuk menghalang suami berpoligami.



Undang-Undang Negara

Poligami dibenarkan:


Contoh negara:
Kebanyakan negara majoriti Muslim di Timur Tengah, Asia, dan Afrika.

Poligami tertakluk kepada

syarat, contohnya layanan yang saksama untuk semua isteri dalam pembahagian masa, nafkah, hak seksual, dan sebagainya. Contoh negara: Algeria, Bahrain, Malaysia, dan Maghribi.

Poligami dilarang:

Contoh negara: Tunisia, Turki, Republik Kyrgyz, Tajikistan, dan Uzbekistan.



Al-Quran yang merupakan sumber utama *Shari'ah* jelas menyatakan bahawa seorang lelaki tidak akan boleh berlaku adil dan saksama kepada lebih daripada seorang isteri (surah an-Nisa' 4: 129). Poligami wujud sebelum kedatangan Islam, dan al-Quran menghaddkannya kepada maksimum empat orang isteri (surah an-Nisa' 4: 3).

Ini bertujuan untuk memperbaiki amalan masyarakat Arab jahiliyah sebelum kedatangan Islam. Seperti amalan perhambaan yang tidak diamalkan lagi, poligami mungkin boleh dihentikan untuk mencapai matlamat utama dalam perkahwinan iaitu keadilan, sekiranya pembaikan ini diteruskan.

MELANGKAH KE HADAPAN

"*Shari'ah* adalah undang-undang yang bersifat abadi, kekal, dan tidak boleh diubah kerana ia wujud dalam fikiran Tuhan. *Shari'ah* adalah jalan kebenaran dan keadilan sepertimana ia wujud dalam fikiran Tuhan. Pada dasarnya, *Shari'ah* adalah undang-undang yang ideal memandangkan ia perlu berada dalam ruang ketuhanan, dan oleh yang demikian ia adalah sesuatu yang tidak diketahui oleh manusia di bumi ini. Oleh itu manusia perlu berusaha dan berjuang untuk merealisasikan undang-undang *Shari'ah* dengan penuh kesungguhan. Berbeza dengan fekah di mana fekah adalah undang-undang manusia – percubaan manusia untuk mencapai dan memenuhi undang-undang abadi sepertimana wujud dalam fikiran Tuhan. Oleh itu, fekah tidak bersifat ketuhanan, kerana ia adalah produk hasil usaha manusia. *Fekah* berbeza dengan *Shari'ah* di mana fekah tidak bersifat abadi, tidak kekal, dan boleh berubah. Dari segi makna, fekah adalah bersifat manusiawi dan oleh yang demikian tertakluk kepada kesilapan, boleh diubah, dan bergantung kepada keadaan."

- *Khaled Abou El Fadl (b.1963)*

"Asas-asas *Shari'ah* adalah mendasar kepada hikmah dan usaha menjaga kebajikan manusia dalam kehidupan dunia dan akhirat. *Shari'ah* merangkumi keadilan, rahmat, kemaslahatan dan kebijaksanaan. Sebarang peraturan yang menukar keadilan kepada ketidakadilan, kebaikan kepada kekerasan, kemaslahatan kepada kemudaratan, atau sesuatu yang rasional kepada sesuatu yang tidak masuk akal, tidak boleh menjadi sebahagian daripada *Shari'ah*."

- *Ibn Qayyim al-Jawziyya (1292-1350)*



Pertindihan antara '*Shari'ah*', '*fekah*', dan '*undang-undang Islam*' adalah fenomena terkini yang digunakan untuk menghalang suara-suara yang menyeru kepada penambahbaikan dan perubahan.

Untuk melangkah ke arah kesaksamaan gender sejajar dengan inspirasi berasaskan ajaran dan seruan al-Quran, kita mestilah membezakan konsep-konsep ini.

Ini termasuk mengiktiraf bahawa *Shari'ah* adalah bersifat ketuhanan dan abadi, sementara *fekah* dan undang-undang Islam, termasuk undang-undang kontemporari keluarga Islam, adalah usaha manusia dan boleh berubah.

USAHA
MANUSIA

TERTAKLUK
KEPADA
PERUBAHAN



Kesaksamaan dan keadilan sudah wujud dalam *Shari'ah* dan umat Islam di dunia ini mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk merealisasikan nilai-nilai kesaksamaan dan keadilan.



Bagaimana kita boleh bekerjasama untuk membina masyarakat Islam yang lebih adil dan saksama?



Sisters in Islam

DITERBITKAN PADA TAHUN 2024
OLEH **SIS Forum (Malaysia)**

SIS Forum (Malaysia) (266561W)

Reka letak oleh **Notion**.

Alamat: No 4, Lorong 11/8E, 46200
Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Telefon: +603-7960 3357,
+603-7960 5121, +603-7960 6733,
+6012-812 3424 (Telenisa)


Faks: +603-7960 8737

E-mel: sis@sistersinislam.org.my

Laman Sesawang: <https://sistersinislam.org>

 @SistersInIslam

 OFFICIALSIS

 SistersInIslamMYS

 @sistersinislam.my

Isi kandungan ini diterjemah daripada **Musawah Knowledge Building Briefs**, dengan kebenaran daripada pihak Musawah. Musawah adalah gerakan global bagi kesaksamaan dan keadilan dalam keluarga Muslim • www.musawah.org